

Kepentingan Melayu teras pembangunan: PM

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan, kepentingan dan kedudukan orang Melayu menjadi teras usaha pembangunan semula Kampung Baru.

Perdana Menteri menegaskan, perkara itu dilindungi sepenuhnya mengikut Akta 733 Perbadanan Pembangunan Kampung Baru yang menetapkan bahawa kepentingan orang Melayu merangkumi aspek sosial, ekonomi, warisan, adat, budaya dan nilai sejarah diberi keutamaan dalam setiap pembangunan di situ.

“Antara sebab cadangan membangunkan Kampung Baru ditentang adalah kerana wujud dakwaan bahawa pembangunan ini akan mengeluarkan orang Melayu dari tengah ibu kota Kuala Lumpur. Ini tidak benar dan tidak berasas sama sekali.

“Pembangunan Kampung Baru perlu menepati garis panduan seni bina Melayu Islam yang disediakan, termasuk mengambil kira setiap aspek warisan dan sejarahnya. Ia akan kekal sebagai simbol kebanggaan orang Melayu di tengah ibu kota,” katanya menerusi rakaman ucapan yang disiarkan ketika sesi ‘Town Hall’ bersama pemilik dan pewaris Kampung Baru, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, idea pembangunan Kampung Baru dicadangkan kerajaan sejak awal 1980-an, namun pelbagai andaian dan pendapat diberikan.

“Ada yang menyokong dan sebaliknya. Malangnya, selepas berabad berlalu, Kampung Baru masih seperti dahulu, mempamerkan wajah yang bercanggah.

“Di satu pihak, ia sebagai simbol kebanggaan orang Melayu di tengah ibu kota, manakala di sebelah pihak lagi, masa seolah-olah terhenti di Kampung Baru ketika ibu

kota pesat membangun dan menjadi sebuah metropolis,” katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan tidak teratur dan kesesakan sekitar Kampung Baru membuatkan lokasi terbabit bukan lagi tempat selesa hingga menyebabkan sebahagian besar penduduk asalnya berpindah keluar dari situ dan lebih malang, warga asing mula mendiami serta berniaga di situ.

“Jadi, lebih baik jika kawasan ini dibangunkan dan disusun semula dengan dilengkapi kemudahan awam, termasuk jaringan infrastruktur yang efisien serta kawasan lapang untuk aktiviti riadah dan kemasyarakatan.

“Sudah tentu akan lebih ramai orang Melayu berminat tinggal di sini kerana Kampung Baru akan menjadi lebih kemas, cantik dan selesai untuk didiami. Ini secara langsung meningkatkan lagi nilai pasaran hartanah,” katanya.

***“Pembangunan
Kampung Baru
perlu menepati garis
panduan seni bina
Melayu Islam yang
disediakan, termasuk
mengambil kira setiap
aspek warisan dan
sejarahnya. Ia akan
kekal sebagai simbol
kebanggaan orang
Melayu di tengah
ibu kota.***

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*